

24/06/2001

Mesyuarat lulus resolusi bantah pembelian akhbar

KUALA LUMPUR: Mesyuarat agung luar biasa Pemuda MCA semalam meluluskan resolusi membantah pembelian 72.35 peratus saham Nanyang Press Holdings Bhd oleh Huaren Holdings Sdn Bhd, cabang pelaburan MCA.

Daripada 660 wakil yang mengundi, 631 atau 95 peratus membantah urusan pembelian itu manakala 25 bersetuju bagi pengambilalihan Nanyang Press, yang menerbitkan akhbar Nanyang Siang Pau dan China Press. Empat undi rosak.

Keputusan itu diumumkan oleh speaker EGM Lim Hong Sang, selepas perwakilan selesai mengundi secara rahsia pada 1 tengah hari. Sebanyak 18 wakil tidak mengundi.

Bilangan 678 orang yang hadir semalam adalah 45 peratus daripada 1,516 anggota yang layak hadir dan mengundi.

Pengambilalihan Nanyang Press menjadi kontroversi apabila lapan pemimpin kanan MCA membantah urus niaga itu dengan alasan ia menyekat kebebasan akhbar.

Esok, badan induk parti itu akan mengadakan satu EGM bagi mengesahkan atau menolak pembelian itu.

Sebanyak 30 peratus daripada 2,385 anggota perwakilan ke mesyuarat esok terdiri wakil Pemuda MCA.

Sementara itu, pemimpin MCA tidak harus mengheret Datuk Seri Dr Mahathir ke dalam kontroversi pengambilalihan Nanyang Press Holdings Bhd oleh cabang pelaburan parti itu, Huaren Holdings Sdn Bhd.

Naib Presiden MCA Datuk Chan Kong Choy, berkata Perdana Menteri sudah menjelaskan kelmarin bahawa beliau tidak pernah mengarahkan MCA supaya mengambilalih Nanyang Press Holdings Bhd dan beliau harus tidak dikaitkan dengan isu itu, katanya.

"Ini adalah isu besar membabitkan masyarakat Cina Malaysia dan saya berpendapat tidak adil untuk mengheret beliau ke dalamnya," kata Chan pada sidang berita di sini, semalam.

(END)